

Mangsa trauma nampak polis

Isteri beritahu Mohd Nazril menjerit, ketakutan

Oleh Norrasyidah Arshad dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@nstp.com.my

► Shah Alam

Mangsa serangan masjid di Christchurch, New Zealand, Mohd Nazril Hisham Omar, berada dalam keadaan trauma selepas melihat kelibat anggota polis di hospital tempat beliau dirawat.

Isterinya, Dr Zurinawati Mohi, 48, berkata keadaan Mohd Nazril, 46, yang dirawat di Hospital Christchurch agak berbeza berbanding kelmarin apabila beliau dilihat tenang.

Katanya, suaminya seperti ketakutan dan tidak boleh ditinggalkan bersendirian.

"Tadi (semalam) suami menjerit mencari saya ketika saya tinggalkan dia sekejap. Saya perasan dia seperti ketakutan selepas ternampak anggota polis di dalam hospital ini.

"Mungkin suami trauma dengan kejadian Jumaat lalu kerana penyerang memakai uniform seperti polis," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam itu, berkata suaminya dijangka menjalani pembedahan ketiga hari ini bagi merawat bahagian pinggang yang dipercayai terkena peluru.

"Ibu jari kaki kirinya separuh hancur akibat terkena serpihan



[FOTO IHSAN AZRUL MAHATHIR AZIZ]

Boon Poh (dua dari kanan) bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, Nur Izzah Wong Mee Choo (tengah) di Christchurch, New Zealand, semalam.



peluru dalam kejadian itu, pembedahan perlu dijalankan juga bagi menyelamatkan kakinya," katanya sambil memaklumkan beliau bersama anak kedua, Muhammad Haqiem Daniel, menjaga suaminya di hospital.

Parah ditembak

Mohd Nazril antara rakyat Malaysia yang parah akibat ditembak dalam serangan ke atas dua masjid di Christchurch, Jumaat lalu.

Dua lagi rakyat Malaysia yang cedera ialah Mohd Tarmizi

Shuib dan Rahimi Ahmad. Anak Mohd Tarmizi, Mohd Haziq, 17, masih gagal dikesan.

Di Alor Setar, kakak Mohd Tarmizi, Zarina berharap anak saudaranya, Mohd Haziq, ditemui dalam keadaan selamat, walaupun tiada sebarang khabar berita mengenainya setakat ini.

Beliau dimaklumkan isteri Mohd Tarmizi, Marina Hamzah, ada membuat pengecaman mayat yang baharu ditemui pihak berkuasa New Zealand, namun tiada pengesahan dibuat setakat ini.

"Ya adik ipar (Marina) ada dipanggil membuat pengecaman, tetapi belum ada berita lanjut. Kami masih menunggu khabar selanjutnya dan berharap semuanya dalam keadaan baik.

"Kami keluarga di sini tidak putus berdoa dan membaca Yasin supaya Mohd Haziq segera ditemui selain berharap kesihatan Mohd Tarmizi kembali pulih," katanya yang turut memaklumkan tiga ahli keluarga

mereka berlepas ke New Zealand semalam.

Kesan Mohd Haziq

Sementara itu, BERNAMA melaporkan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Pulau Pinang, Phee Boon Poh yang kini berada di Christchurch, berkata usaha mengesan Mohd Haziq sedang dilakukan polis New Zealand berdasarkan maklumat diperoleh daripada ibunya.

"Ibu Mohd Haziq kini ada bersama pihak polis untuk memberikan nama dan gambar yang betul kerana memang ada mayat yang belum dikenal pasti, jadi mereka harus membuat ujian asid deoksiribonukleik (DNA) sebelum ada apa-apa kenyataan daripada polis," katanya.

Boon Poh berkata, seorang lagi mangsa, Rahimi dari Pulau Pinang pula telah selesai menjalani pembedahan mengeluarkan serpihan peluru daripada tubuhnya.